

Air Sungai Papan melimpah punca banjir

BARU sahaja bulan lepas kampung mereka dilanda banjir, tahun 2017 tiba namun kekal membawa cerita duka apabila kampung itu sekali lagi dilanda banjir.

Kali ini, kesannya dilihat lebih teruk berbanding tahun lepas apabila sekurang-kurangnya 20 rumah terlibat dan seramai 40 mangsa terjejas akibat banjir itu.

Ketua Kampung, Omar Jidin berkata, antara punca banjir yang dikenal pasti setakat ini adalah hujan berlebihan daripada biasa dan sungai yang sempit sehingga me-

nyebabkan air melimpah dengan cepat.

"Sungai Papan yang kecil menyebabkan air melimpah apabila hujan berlebihan. Kita sudah bawa perkara ini ke pihak atasan dan saya akan pantau isu ini dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kuala Kangsar memaklumkan pusat pemindahan di kampung itu ditutup sepenuhnya kira-kira jam 2.30 petang semalam.

Pegawainya, Ahmad Fakhrur

Razi Ismail berkata, kelmarin, seramai 31 mangsa melibatkan enam keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Agama Rakyat (SRA) Kampung Gapis.

Menurutnya, bagaimanapun semua mangsa sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas keadaan semakin pulih.

"Namun saya sudah mengarahkan anggota supaya sentiasa bersiap sedia turun ke lokasi sama sekiranya berlakunya banjir pada masa depan," katanya.